

Headline	Proses saringan kesihatan elak penyebaran MERS-CoV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	24	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,131
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,393



Proses saringan kesihatan elak penyebaran MERS-CoV

Kuala Lumpur: Proses saringan kesihatan ke atas jemaah haji Malaysia sebelum mereka berangkat pulang ke tanah air berjaya membantu mengelakkan risiko penyebaran Virus Korona Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) di negara ini.

Proses terbabit dilaksanakan syarikat tempatan, Biosis Group Berhad (Biosis Berhad) dengan kerjasama Geneflux Biosains Sdn Bhd (Geneflux), yang juga penerima anugerah Kementerian Sains Inovasi dan Teknologi, bagi membantu Lembaga Tabung Haji (TH) dan Kementerian Kesihatan.

Dalam kenyataan di sini semalam, Biosis Berhad, berkata berikutan jumlah kematian yang tinggi dilaporkan akibat jangkitan virus itu, adalah penting langkah pencegahan dilaksanakan dengan segera.

"Kami menjalankan proses perintis saringan kesihatan percuma ke atas 100 jemaah haji Malaysia sebelum mereka menaiki pesawat di Jeddah untuk pulang ke tanah air.

"Proses 'swab' perlu dilakukan 48 jam sebelum jemaah menaiki pesawat, manakala ujian ke atas calitan daripada tekak pesakit itu pula diperiksa di Malaysia," katanya.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan, MERS-CoV meragut 64 nyawa di seluruh dunia sehingga 4 November lalu dengan 53 kematian direkodkan di Arab Saudi, negara paling teruk terjejas akibat penyakit itu, selain dua di Qatar dan satu di Muscat, Oman.

Penyebab jangkitan paru-paru

Ia dianggap membawa maut, namun kurang berjangkit berbanding Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang meletus di Asia pada 2003 dan menjangkiti 8,273 orang. MERS menyebabkan jangkitan paru-paru dengan pesakit mengalami demam tinggi, batuk, sukar bernafas dan kegagalan fungsi buah pinggang dengan pantas.